

| | | |
|---|---|---|
| Headline | : | Bida Kontrak RM 400 Juta |
| Media | : | Berita Harian |
| Day/Date | : | 29 April 2009 |
| Page | : | 26 |
| Links | : | - |

## Bida kontrak RM400j

Penyedia perkhidmatan bagi industri minyak dan gas, Deleum Bhd membida kontrak bernilai RM300 juta hingga RM400 juta termasuk bagi kontrak perkhidmatan dan projek dengan sebahagian besarnya membabitkan projek di Malaysia.

Pengarah Urusan kumpulan, Chandran Aloysius Rajadurai, berkata ketika ini syarikat mempunyai projek bernilai RM1 bilion yang memenuhkan jadual syarikat sehingga 2016.

Katanya, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, Deleum merekodkan pendapatan RM425 juta manakala keuntungan bersih pula sebanyak RM30.44 juta.